

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN SIVIL NO. A-01(A)-157-04/2016**

ANTARA

1. KRISHNAN A/L LETCHUMANAN
 2. THURAIRAJU A/L POOMALAI
 3. LAU HIAP LEE
 4. ANBALAGAN A/L SINNASAMY
 5. YEOH YET KHEONG
 6. MOGAN A/L SUBRAMANIAM
 7. NAGESPNEREN A/L RAMAN
 8. GATHERESAN A/L MUNISAMY
 9. SIVAJI A/L SREENIVASANY

... PERAYU-PERAYU

DAN

1. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SUNGAI SIPUT
 2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK
 3. KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN ... RESPONDEN-

(Dalam perkara mengenai Permohonan Untuk Usul Pemula No. 25-07-07/2015 dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Taiping)

Dalam perkara mengenai keputusan yang dibuat oleh Responden Pertama melalui notis bertarikh 15.4.2015 yang mengarahkan Pemohon Pertama hingga Kesembilan untuk memindahkan semua hasil pertanian dan produk berkaitan dengan aktiviti pertanian yang dijalankan pada sebidang tanah yang dinyatakan sebagai Wilayah Padang Tembak, Mukim Sungai Siput, Daerah Kecil Sg. Siput (U), 31100 Perak Darul Ridzuan.

Dan

Dalam perkara Aturan 53
Kaedah-Kaedah Mahkamah
2012

Dan

Dalam perkara Seksyen 25 Akta
Mahkamah Kehakiman 1964
dan perenggan 1 Jadual di
dalamnya.

ANTARA

1. KRISHNAN A/L LETCHUMANAN
2. THURAIRAJU A/L POOMALAI
3. LAU HIAP LEE
4. ANBALAGAN A/L SINNASAMY
5. YEOH YET KHEONG
6. MOGAN A/L SUBRAMANIAM
7. NAGESPNEREN A/L RAMAN
8. GATHERESAN A/L MUNISAMY
9. SIVAJI A/L SREENIVASANY
10. DR MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ ... PEMOHON-
PEMOHON

DAN

1. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SUNGAI SIPUT
2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK
3. KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN ... RESPONDEN-
RESPONDEN

(yang diputuskan oleh Pesuruhjaya Kehakiman Mohamed Zaini Bin Mazlan, di Mahkamah Tinggi Malaya di Taiping pada 13 haribulan April 2016)

AFIDAVIT JAWAPAN RESPONDEN-RESPONDEN NO 1

Saya, **Nor Akmar binti Ibrahim (No. Kad Pengenalan : 820331-08-5306)** seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di No. 15, Jalan Chemor Mesra 9, Taman Chemor Mesra, 31200 Chemor, Perak dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar dan menyatakan seperti berikut:-

1. Saya adalah Penolong Pegawai Daerah yang bertugas di Pejabat Daerah dan Tanah Sg. Siput (U) Perak dan diberi kuasa untuk mengikrarkan Afidavit Jawapan ini bagi pihak Responden-Responden yang dinamakan di atas.

2. Fakta-fakta dan perkara-perkara yang dideposkan di sini adalah dalam pengetahuan peribadi saya atau berdasarkan nasihat, maklumat atau dokumen-dokumen kepada yang mana saya

mempunyai akses. Di mana fakta-fakta adalah dalam pengetahuan saya ianya adalah benar dan di mana ianya adalah berdasarkan nasihat, maklumat atau dokumen-dokumen ianya adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

3. Saya memohon kebenaran Mahkamah Yang Mulia ini untuk merujuk kepada Afidavit Perayu-Perayu yang diikrarkan oleh Krishnan a/l Letchumanan (No. K/P : 630612-10-5361) pada 6 Mei 2016 (**Afidavit Perayu Pertama**).
4. Perenggan 7 hingga 13 Afidavit Perayu Pertama dirujuk. Responden-Responden mengatakan Perayu-Perayu telah menduduki tanah Kerajaan tersebut dan menjalankan pelbagai aktiviti pertanian selama lebih kurang 10 hingga 30 tahun secara haram menurut bincian yang telah dibuat.
5. Responden-Responden menegaskan bahawa Perayu-Perayu merupakan penduduk haram dan/atau penceroboh tanah Kerajaan tersebut dan telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 425 (1) (a) dan/atau (b) Kanun Tanah Negara 1965 (**KTN**). Di bawah seksyen 426(1) (a), (b) dan (c) KTN, Responden-Responden boleh mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap mereka kerana telah menduduki secara haram dan/atau menceroboh tanah Kerajaan tersebut dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan.

6. Responden-Responden telah bertindak dengan niat baik dengan memberi Notis bertarikh 15 April 2015 (**Notis tersebut**) kepada Perayu-Perayu terlebih dahulu untuk mengeluarkan semua hasil pertanian dan produk mereka dan berhentikan segala aktiviti-aktiviti tersebut walaupun di bawah seksyen 426 (1)(a), (b) dan (c) KTN, Responden- Responden tidak perlu dan tidak berobligasi untuk berbuat demikian. Responden-Responden sebenarnya boleh terus melakukan tindakan penguatkuasaan terhadap mereka.
7. Responden-Responden menegaskan walaupun Mahkamah Tinggi ini telah membenarkan permohonan Perayu-Perayu untuk Penggantungan Pelaksanakan Notis tersebut sehingga keputusan ini dibuat pada 13-4-2016 dan permohonan Penangguhan Perlaksanaan sementara menunggu rayuan mereka di dengar di Mahkamah Yang Mulia ini ditolak pada 5-5-2016. Responden-Responden tidak memohon untuk mengetepikan perintah Mahkamah tersebut dengan harapan Perayu-Perayu akan mengambil kesempatan atas masa yang diberikan itu untuk mengeluarkan semua hasil pertanian dan produk mereka serta berhenti semua aktiviti-aktiviti mereka di tanah Kerajaan tersebut tetapi Perayu-Perayu telah memilih untuk meneruskan aktiviti-aktiviti mereka tanpa menunjukkan keikhlasan mereka untuk mematuhi Notis tersebut.
8. Responden-Responden mengatakan Perayu-Perayu sebenarnya telah diberi peluang dan masa yang banyak untuk mengeluarkan semua hasil pertanian dan produk mereka serta berhenti semua aktiviti-aktiviti mereka di tanah Kerajaan tersebut

tetapi memilih untuk terus menduduki secara haram dan/atau menceroboh tanah Kerajaan tersebut.

9. Saya telah dinasihatkan oleh Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri bahawa Perayu-Perayu selaku penduduk haram dan/atau penceroboh tanah Kerajaan tersebut tidak mempunyai hak sama ada dari segi undang-undang atau equity terhadap Responden-Responden dalam tindakan ini. Kenyataan Pemohon-Pemohon dalam Perenggan 10 hingga 35 dalam Afidavit Perayu Pertama adalah tidak berasas dan bukan merupakan Keadaan-Keadaan Khas. Sebenarnya di bawah KTN, Perayu-Perayu tidak mempunyai sebarang locus standi untuk membuat permohonan ini.
10. Perayu-Perayu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 425 (1)(a) dan/atau (b) KTN dan ‘a court of equity’ tidak akan membantu penduduk haram dan/atau penceroboh tanah Kerajaan tersebut untuk menentang Notis tersebut.
11. Saya dinasihatkan oleh Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri bahawa Perayu-Perayu selaku penduduk haram dan/atau penceroboh tanah Kerajaan tersebut tidak mempunyai sebarang merit dalam rayuan yang difailkan dalam tindakan ini.
12. Perenggan 18 hingga 21 Afidavit Perayu Pertama dirujuk. Responden-Responden mengatakan surat Pejabat Menteri Besar Perak kepada Responden- Responden bertarikh 20-4-2016 adalah hasil daripada aduan yang dibuat oleh Perayu-Perayu berkenaan

Notis tersebut yang dikeluarkan oleh Pejabat Pentadbir Tanah. Responden Pertama telah melalui surat bertarikh 29 April 2016 memaklumkan kepada Pejabat Menteri Besar Perak bahawa :

- 12.1 *Pentadbiran ini telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pembinaan Sekolah Maahad Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) pada tahun 2012 dan MMK Bil. 1821 bertarikh 01.07.2015 telah meluluskan tapak tersebut seluas 20.446 ekar. Namun pentadbiran ini mendapati terdapat penguasa yang telah meneroka atas tanah tersebut hampir 10 hingga 30 tahun menurut bincian yang telah dibuat.*
- 12.2 *Oleh itu, selaras dengan keputusan MMK tersebut maka pentadbiran ini telah mengeluarkan Notis 425 pada 15 April 2015 dan telah mengangkat kertas perbincangan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk tujuan penguatkuasaan dan MMK Bil. 1822 bertarikh 29.07.2015 telah meluluskan tindakan penguatkuasaan tersebut di bawah seksyen 426A(1)(a),(b) dan (c) Kanun Tanah Negara, Akta 56 Tahun 1965.*
- 12.3 *Walaubagaimanapun, pentadbiran ini masih belum dapat mengambil tindakan penguatkuasaan kerana pihak penguasa telah membawa kes tersebut ke Mahkamah Tinggi Taiping. Sehingga kini, kerja-kerja tanah oleh pemaju masih tertangguh sehingga Mahkamah mengeluarkan perintah membenarkan tindakan penguatkuasaan diambil.*

12.4 Kawasan yang dipohon oleh pengusaha iaitu tanah Kerajaan bersebelahan projek Sekolah Maahad Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) telah dicadangkan untuk tujuan pembangunan skim perumahan mampu milik untuk penduduk di Daerah Kecil Sungai Siput dan dalam penyediaan pelan susunatur sebelum diangkat ke MMK untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

12.5 Pengusaha seharusnya memohon mengikut prosedur seperti pemohon-pemohon lain dengan mengenalpasti tapak terlebih dahulu di Pejabat Tanah dan membuat permohonan secara rasmi sebelum diperakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Tanah Daerah (JKPTD) dan diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan. Pentadbiran ini akan memproses setiap permohonan yang diterima mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

(Sesalinan surat bertarikh 29 April 2016 disertakan dan ditanda sebagai eksibit “**NA-1**”)

13. Perenggan 23 hingga 52 Afidavit Perayu Pertama dirujuk. Responden-Responden mengulangi kenyataan dalam perenggan 5, 6, 7 dan 8 dan menegaskan bahawa Perayu-Perayu merupakan penduduk haram dan/atau penceroboh tanah Kerajaan tersebut dan telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 425 (1)(a) dan/atau (b) KTN. Di bawah seksyen 426(1) (a), (b) dan (c) KTN, Responden-Responden tidak berobligasi bertemu mereka dan sebaliknya boleh mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap mereka kerana telah menduduki secara haram dan/atau menceroboh

tanah Kerajaan tersebut dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan.

14. Responden-Responden mengatakan hanya setelah Mahkamah Tinggi membuat keputusan untuk menolak permohonan Semakan Kehakiman Perayu-Perayu pada 13-4-2016, barulah Perayu-Perayu melalui surat peguamcara mereka bertarikh 14-4-2016 memohon Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri (**PPUUN**) mengaturkan satu mesyuarat diantara Pemohon-Pemohon dengan Pihak Berkuasa Negeri (**PBN**). PPUUN telah melalui surat bertarikh 15-4-2016 memanjangkan surat tersebut kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan salinan kepada Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Sg. Siput, Perak untuk tindakan. (sesalinan surat daripada PPUUN bertarikh 15-4-2016 disertakan dan ditandakan sebagai eksibit “**NA-2**”).
15. Responden-Responden ingin merujuk kepada Mahkamah yang Mulia ini berkenaan relif yang dipohon oleh Perayu-Perayu dalam Permohonan Semakan Kehakiman yang difailkan dalam kes ini seperti berikut :
 - 15.1 *Suatu perintah certiorari bagi membatalkan keputusan yang dibuat oleh Responden Pertama melalui notis bertarikh 15-04-2015 [**NOTIS**] yang mengarahkan Pemohon Pertama hingga Kesembilan untuk menghapuskan semua produk pertanian dan hasilan yang terletak di sebidang tanah yang dinyatakan sebagai Wilayah Padang Tembak, Mukim Sungai*

Siput, Daerah Kecil Sg. Siput (U) 31100 Perak Darul Ridzuan [Tanah] dalam tempoh 14 hari dari tarikh Notis [Keputusan];

- 15.2 *Suatu perintah larangan untuk menghalang Responden daripada mengeluarkan apa-apa notis selanjutnya atau menjalankan apa-apa tindakan yang menghalang Pemohon Pertama hingga Kesembilan menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian di atas Tanah tersebut;*
- 15.3 *Dalam alternatif kepada semua di atas, perintah mandamus yang mengarahkan Responden untuk memberikan Pemohon sekurang- sekurangnya tempoh 1 tahun untuk menempatkan semula aktiviti pertanian mereka dari Tanah tersebut;*
- 15.4 *Award gantirugi untuk ditaksirkan;*
- 15.5 *Kebebasan untuk memohon;*
- 15.6 *Segala relif, arahan dan perintah yang perlu dan berbangkit sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah Yang Mulia ini.*
- 15.7 *Kos*

Dan sementara menunggu pelupusan terakhir Permohonan ini untuk Semakan Kehakiman, suatu perintah yang menggantungkan Keputusan tersebut.

16. Dalam Perenggan 15.3 tersebut, Perayu-Perayu dalam alternatif telah memohon perintah Mandamus yang mengarahkan Responden untuk memberi mereka sekurang-kurangnya tempoh 1 tahun untuk menempatkan semula aktiviti pertanian mereka dari tanah Kerajaan tersebut. Sebenarnya, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan Perayu-Perayu untuk suatu perintah Penggantungan Perlaksanaan Notis tersebut yang dikeluarkan pada 15-4-2015 sehingga penyelesaian perbicaraan permohonan Semakan Kehakiman Perayu-Perayu pada 13-4-2016 dan seterusnya permohonan Perayu-Perayu untuk penangguhan perlaksanaan sementara menunggu rayuan mereka di dengar di Mahkamah Yang Mulia ini pada 5-5-2016. Tempoh penggantungan ini sebenarnya telah melebihi tempoh 1 tahun yang dipohon oleh Perayu-Perayu dalam perenggan 15.3 tersebut.
17. Responden-Responden mengatakan tanah Kerajaan tersebut telah diberimilik oleh PBN kepada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak bagi tujuan tapak Maahad Tahfiz pada 6-12-2013 (sesalinan surat daripada Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian bertarikh 6-2-2014 disertakan dan ditandakan sebagai eksibit “NA-3”).
18. Berikutan kelulusan tersebut, Kerajaan Negeri telah menandatangani satu perjanjian dengan Wego Sdn Bhd untuk memasuki tanah

Kerajaan tersebut bagi pembangunan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (**Sekolah tersebut**). (sesalinan surat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertarikh 9-3-2015 disertakan dan ditandakan sebagai eksibit “**NA-4**”).

19. Responden-Responden mengatakan pembinaan bangunan Sekolah tersebut terpaksa ditangguhkan sementara menunggu penyelesaian tindakan ini.
20. Responden-Responden mengatakan alasan-alasan yang diberikan oleh Perayu-Perayu dalam permohonan ini bukan merupakan Keadaan-Keadaan Khas jika berbanding dengan pembinaan Sekolah tersebut yang lebih penting dan memerlukan pembinaan yang segera semenjak kelulusan diberikan oleh PBN pada 6-12-2013, iaitu selama lebih kurang 2½ tahun yang lepas.
21. Responden-Responden mengatakan sekiranya Mahkamah Yang Mulia ini membenarkan permohonan Perayu-Perayu untuk penangguhan perlaksanaan ini, ia akan menyebabkan Perayu-Perayu terus melakukan kesalahan jenayah di bawah seksyen 425(1)(a) dan/atau (b) KTN dan melambatkan pembinaan Sekolah tersebut dan seterusnya menjelaskan peluang pelajar-pelajar untuk belajar di sekolah tersebut.

22. Responden-Responden dengan ini memohon permohonan Perayu-Perayu untuk Penangguhan Perlaksanaan ini ditolak dengan kos.

Diikrarkan oleh

NOR AKMAR BINTI IBRAHIM

) *ah*

NO. K/P : 820331-08-5306

)

di *Ipoh*

)

pada *19* haribulan Mei 2016

)



AFIDAVIT JAWAPAN RESPONDEN-RESPONDEEN NO. 1 ini telah difailkan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak Darul Ridzuan bagi pihak Peguamcara Responden-Responden yang beralamat di Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30512 IPOH, PERAK [PU/PK/GN/27/2016]

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN SIVIL NO. A-01(A)-157-04/2016**

ANTARA

1. KRISHNAN A/L LETCHUMANAN
 2. THURAIRAJU A/L POOMALAI
 3. LAU HIAP LEE
 4. ANBALAGAN A/L SINNASAMY
 5. YEOH YET KHEONG
 6. MOGAN A/L SUBRAMANIAM
 7. NAGESPNEREN A/L RAMAN
 8. GATHERESAN A/L MUNISAMY
 9. SIVAJI A/L SREENIVASANY

DAN

1. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SUNGAI SIPUT
 2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK
 3. KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN ... RESPONDEN-RESPONDEN

[Dalam perkara mengenai Permohonan Untuk Usul Pemula No. 25-07-07/2015 dalam
Mahkamah Tinggi Malaya di Taiping

Dalam perkara mengenai keputusan yang dibuat oleh Responden Pertama melalui notis bertarikh 15.4.2015 yang mengarahkan Pemohon Pertama hingga Kesembilan untuk memindahkan semua hasil pertanian dan produk berkaitan dengan aktiviti pertanian yang dijalankan pada sebidang tanah yang dinyatakan sebagai Wilayah Padang Tembak, Mukim Sungai Siput, Daerah Kecil Sg. Siput (U), 31100 Perak Darul Ridzuan.

Dan

Dalam perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

Dan

Dalam perkara Seksyen 25 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan perenggan 1 Jadual di dalamnya.

ANTARA

1. KRISHNAN A/L LETCHUMANAN
2. THURAIRAJU A/L POOMALAI
3. LAU HIAP LEE
4. ANBALAGAN A/L SINNASAMY

5. YEOH YET KHEONG
6. MOGAN A/L SUBRAMANIAM
7. NAGESPNEREN A/L RAMAN
8. GATHERESAN A/L MUNISAMY
9. SIVAJI A/L SREENIVASANY
10. DR MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ ... PEMOHON-PEMOHON

DAN

1. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SUNGAI SIPUT
2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK
3. KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN ... RESPONDEN-RESPONDEN

(yang diputuskan oleh Pesuruhjaya Kehakiman Mohamed Zaini Bin Mazlan, di Mahkamah Tinggi Malaya di Taiping pada 13 haribulan April 2016)

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Ini adalah ekhibit yang ditandakan “NA-1” yang dirujuk dalam Nor Akmar binti Ibrahim (No. K/P : 820331-08-5306) yang diikrarkan di Ipoh pada 19 haribulan Mei 2016 jam 9.00 pagi/petang.





فجابت دائرة دان تانه

PEJABAT DAERAH DAN TANAH,
DAERAH KECIL SUNGAI SIPUT,
31100 SUNGAI SIPUT (U),
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 5984824 (KPPD)
5982055 (Pej. Am)
Faks : 5981963

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : Bil (79)dlm. PTSS 9/16/312

Bertarikh : Rejab 1437
29 April 2016

Pegawai Khas II
Kepada YAB Menteri Besar
Pejabat Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan
Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
PERAK

Tuan ,

ADUAN BERKENAAN ISU TANAH PERTANIAN DI WILAYAH PADANG TEMBAK, SUNGAI SIPUT (U)


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat tuan bil. (100) dlm. PMB Pk. 1337/5 Jld.10 bertarikh 20 April 2016 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, pentadbiran ini telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pembinaan Sekolah Maahad Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) pada tahun 2012 dan MMK Bil.1821 bertarikh 01.07.2015 telah meluluskan tapak tersebut seluas 20.446 ekar. Namun pentadbiran ini mendapati terdapat pengusaha yang telah meneroka atas tanah tersebut hampir 10 hingga 30 tahun menurut bincian yang telah dibuat.

3. Oleh itu, selaras dengan keputusan MMK tersebut maka pentadbiran ini telah mengeluarkan Notis 425 pada 15 April 2015 dan telah mengangkat kertas perbincangan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk tujuan penguatkuasaan dan MMK Bil. 1822 bertarikh 29.07.2015 telah meluluskan tindakan penguatkuasaan tersebut di bawah Seksyen 426A (1)(a),(b) dan (c) Kanun Tanah Negara, Akta 56 Tahun 1965.

4. Walau bagaimanapun, pentadbiran ini masih belum dapat mengambil tindakan penguatkuasaan kerana pihak pengusaha telah membawa kes tersebut ke Mahkamah Tinggi Taiping. Sehingga kini, kerja-kerja tanah oleh pemaju masih tertangguh sehingga mahkamah mengeluarkan perintah membenarkan tindakan penguatkuasaan diambil.

5. Untuk makluman tuan juga, kawasan yang dipohon oleh pengusaha iaitu tanah kerajaan bersebelahan projek Sekolah Maahad Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) telah dicadangkan untuk tujuan pembangunan skim perumahan mampu milik untuk penduduk di



Daerah Kecil Sungai Siput dan dalam penyediaan pelan susunatur sebelum diangkat ke MMK untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

6. Pengusaha seharusnya memohon mengikut prosedur seperti pemohon-pemohon lain dengan mengenalpasti tapak terlebih dahulu di Pejabat Tanah dan membuat permohonan secara rasmi sebelum diperakuan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Tanah Daerah (JKPTD) dan diangkat ke Pihak Berkuasa negeri untuk pertimbangan. Pentadbiran ini akan memproses setiap permohonan yang diterima mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MUHAMMAD FAIZAL SHAH BIN SAFIAN SURI)

Ketua Penolong Pegawai Daerah,
Sungai Siput,
Perak Darul Ridzuan.

- s.k 1. Penasihat Undang-Undang Negeri
 Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
 Aras 1 & 4, Bangunan Perak Darul Ridzuan
 Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
 30512 Ipoh
 PERAK
 (U.P: Tuan Teoh Chin Chong)
2. Pengarah
 Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian
 Bangunan Sri Perak Darul Ridzuan
 Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
 30000 Ipoh
 PERAK



**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN SIVIL NO. A-01(A)-157-04/2016**

ANTARA

1. KRISHNAN A/L LETCHUMANAN
 2. THURAIRAJU A/L POOMALAI
 3. LAU HIAP LEE
 4. ANBALAGAN A/L SINNASAMY
 5. YEOH YET KHEONG
 6. MOGAN A/L SUBRAMANIAM
 7. NAGESPNEREN A/L RAMAN
 8. GATHERESAN A/L MUNISAMY
 9. SIVAJI A/L SREENIVASANY

DAN

1. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SUNGAI SIPUT
 2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK
 3. KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN ... RESPONDEN-RESPONDEN

[Dalam perkara mengenai Permohonan Untuk Usul Pemula No. 25-07-07/2015 dalam
Mahkamah Tinggi Malaya di Taiping

Dalam perkara mengenai keputusan yang dibuat oleh Responden Pertama melalui notis bertarikh 15.4.2015 yang mengarahkan Pemohon Pertama hingga Kesembilan untuk memindahkan semua hasil pertanian dan produk berkaitan dengan aktiviti pertanian yang dijalankan pada sebidang tanah yang dinyatakan sebagai Wilayah Padang Tembak, Mukim Sungai Siput, Daerah Kecil Sg. Siput (U), 31100 Perak Darul Ridzuan.

Dan

Dalam perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

Dan

Dalam perkara Seksyen 25 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan perenggan 1 Jadual di dalamnya.

ANTARA

1. KRISHNAN A/L LETCHUMANAN
2. THURAIRAJU A/L POOMALAI
3. LAU HIAP LEE
4. ANBALAGAN A/L SINNASAMY

- 5. YEOH YET KHEONG
- 6. MOGAN A/L SUBRAMANIAM
- 7. NAGESPNEREN A/L RAMAN
- 8. GATHERESAN A/L MUNISAMY
- 9. SIVAJI A/L SREENIVASANY
- 10. DR MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ ... PEMOHON-PEMOHON

DAN

- 1. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SUNGAI SIPUT
- 2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK
- 3. KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN ... RESPONDEN-RESPONDEN

(yang diputuskan oleh Pesuruhjaya Kehakiman Mohamed Zaini Bin Mazlan, di Mahkamah Tinggi Malaya di Taiping pada 13 haribulan April 2016)

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Ini adalah ekshibit yang ditandakan "NA-2" yang dirujuk dalam Nor Akmar binti Ibrahim (No. K/P : 820331-08-5306) yang diikrarkan di Ipo pada 19 haribulan Mei 2016 jam 9.00 pagi/petang.



Ruj. Kami : PU/PK/GN/79/2015
 Tarikh : 15 April 2016

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri
 Perak Darul Ridzuan
 (u.p: En. Maganathan Soorappdu – Penolong Pegawai Undang-Undang)

Tuan,

**MAHKAMAH TINGGI TAIPING PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO: 25-7-07/2015
 KRISHNAN A/L LETCHUMANAN & 9 YANG LAIN - PEMOHON-PEMOHON
 PEJABAT DAERAH DAN TANAH SG SIPUT & 2 LAGI - RESPONDEN-RESPONDEN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

...
 2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan surat daripada Peguamcara Pemohon-Pemohon bertarikh 14 April 2016 untuk dibawa ke atas perhatian YBhg. Dato' Pengarah untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(TEOH CHIN CHONG) AMN.AMP
 Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri
 Perak Darul Ridzuan.

s.k : 1. Penolong Pegawai Daerah
 Pejabat Daerah dan Tanah
SUNGAI SIPUT (U).
(U/P : Puan Nor Akmal binti Ibrahim)
 (Sesalinan surat daripada Peguamcara Pemohon-Pemohon bertarikh
 14 April 2016 disertakan untuk tindakan puan)

- 
2. Fail
 3. Fail timbul

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN SIVIL NO. A-01(A)-157-04/2016**

ANTARA

1. KRISHNAN A/L LETCHUMANAN
 2. THURAIRAJU A/L POOMALAI
 3. LAU HIAP LEE
 4. ANBALAGAN A/L SINNASAMY
 5. YEOH YET KHEONG
 6. MOGAN A/L SUBRAMANIAM
 7. NAGESPNEREN A/L RAMAN
 8. GATHERESAN A/L MUNISAMY
 9. SIVAJI A/L SREENIVASANY

DAN

1. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SUNGAI SIPUT
 2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK
 3. KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN ... RESPONDEN-RESPONDEN

[Dalam perkara mengenai Permohonan Untuk Usul Pemula No. 25-07-07/2015 dalam
Mahkamah Tinggi Malaya di Taiping

Dalam perkara mengenai keputusan yang dibuat oleh Responden Pertama melalui notis bertarikh 15.4.2015 yang mengarahkan Pemohon Pertama hingga Kesembilan untuk memindahkan semua hasil pertanian dan produk berkaitan dengan aktiviti pertanian yang dijalankan pada sebidang tanah yang dinyatakan sebagai Wilayah Padang Tembak, Mukim Sungai Siput, Daerah Kecil Sg. Siput (U), 31100 Perak Darul Ridzuan.

Dan

Dalam perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

Dan

Dalam perkara Seksyen 25 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan perenggan 1 Jadual di dalamnya.

ANTARA

1. KRISHNAN A/L LETCHUMANAN
2. THURAIRAJU A/L POOMALAI
3. LAU HIAP LEE
4. ANBALAGAN A/L SINNASAMY

5. YEOH YET KHEONG
 6. MOGAN A/L SUBRAMANIAM
 7. NAGESPNEREN A/L RAMAN
 8. GATHERESAN A/L MUNISAMY
 9. SIVAJI A/L SREENIVASANY
 10. DR MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
- ... PEMOHON-PEMOHON

DAN

1. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SUNGAI SIPUT
2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK
3. KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN ... RESPONDEN-RESPONDEN

(yang diputuskan oleh Pesuruhjaya Kehakiman Mohamed Zaini Bin Mazlan, di Mahkamah Tinggi Malaya di Taiping pada 13 haribulan April 2016)

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Ini adalah ekshibit yang ditandakan "NA-3" yang dirujuk dalam Nor Akmar binti Ibrahim (No. K/P : 820331-08-5306) yang diikrarkan di Ipo pada 19 haribulan Mei 2016 jam 9.00 pagi/petang.





PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
BANGUNAN SRI PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH.

14
Telefon : 05-2095242/5251
(bahagian pembangunan)
FAX : 05-2413615

Ruj. Tuan: PTBP(T) 36/1-885
PTSS 9/16/312

Ruj. Kami: Bil. (9) dlm. PTG. Pk.
531-2 (C)

Tarikh : 6 R'Akhir 1435
6 Februari 2014

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang
35000 TAPAH

Ketua Penolong Pegawai Daerah,
Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput,
31100 SUNGAI SIPUT (U)

Tuan,

PERMOHONAN UNTUK MEMILIKI TANAH KERAJAAN DI DUA (2) KAWASAN DI DAERAH SUNGAI SIPUT DAN BATANG PADANG BAGI TUJUAN TAPAK MAAHAD TAHFIZ DI BAWAH SEKSYEN 42(1)(a) & 76 KANUN TANAH NEGARA (AKTA 56 TAHUN 1965)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pada Perjumpaan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Bil.1761 bertarikh 6 Disember 2013 semasa menimbangkan Kertas Mesyuarat Bil.1928/06/12/2013, Majlis telah memutuskan seperti berikut:-

Majlis bersetuju:

I. MEMBERIMILIK dua (2) kawasan seperti ditunjuk bergaris tepi warna merah pada surinan di LAMPIRAN B1-B2 kepada MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara, Akta 56 Tahun 1965 dengan syarat-syarat seperti berikut:-

- | | | |
|----|------------------------|---------------|
| a) | Jenis Hakmilik | Pajakan Mukim |
| b) | Tempoh Pajakan | 99 Tahun |
| c) | Jenis Penggunaan Tanah | Bangunan |

Ruj. Tuan: PTBP(T) 36/1-885
PTSS 9/16/312

Ruj. Kami: Bil. (9) dlm.PTG. Pk.
531-2 (C)

Tarikh : R' Akhir 1435
6 Februari 2014

- d) Premium Tanah : Mengikut Kaedah-Kaedah
Tanah Negeri Perak
- e) Cukai Tanah : Mengikut Kaedah-Kaedah
Tanah Perak
- f) Bayaran Ukur : Mengikut Jadual
- g) Syarat Nyata : Bangunan – Pendidikan dan
Latihan
- h) Sekatan Kepentingan : Tanah ini hanya boleh
dipindahmilik, dipajak atau
digadai / dicagar dengan
kebenaran bertulis oleh Pihak
Berkuasa Negeri.
- II. Sebarang penyelesaian pengusaha tanpa izin di atas tanah yang terlibat hendaklah dibuat secara berhemah tanpa menimbulkan bebanan kepada Kerajaan Negeri.

3. Sila ambil tindakan untuk menyampaikan keputusan ini kepada pemohon secepat mungkin dan tindakan selanjutnya berhubung dengan keputusan ini dan kemukakan ke pejabat ini salinan surat berkaitan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ISHAK BIN MD NAPIS A.C.M. P.P.T.)

Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Pembangunan)

b.p. Pengarah Tanah dan Galian,
Perak Darul Ridzuan

RAHSIA

(sambungan)
Per. Bil.

+ 23162 -

LAMPIRAN

PERMOHONAN UNTUK MERILIKI TANAH KERAJAAN DI DUA (2) KAWASAN DI DAERAH SUNGAI SIPUT,
LENGONG DAN BATANG PAIANG BAGI TUJUAN TAPAK MAAHAD TAHHIZ

Bil.	Kawasan	Luas	Lampiran	Guna Tanah Persekutuan			No Fail Pejabat Tanah
				No. Lot	Status	Kemajuan	
1.	Wilayah Sungai Lessong, Mukim Chenderiang, Daerah Batang Padang.	8.29 hektar (20.50 ekar)	B1	Utara	- Tanah Kerajaan	Talian penghantar elektrik	PTBPT/36/1-885
2.	Wilayah Padang Tembak, Mukim Sungai Siput, Daerah Kuala Kangsar.	8.27 hektar (20.446 ekar)	B2	Utara	- Tanah Kerajaan	Kelapa Sawit	PTSS 9/16/312

RAHSIA

KERTAS INI KEPUNYAAN KERAJAAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

(sambungan)
Per. Bil.


31

Lampiran

B7MIKELASKAN
SEMULA

Suruhan yang diberikan dalam
Kertas Ringkas/Mesyuarat Bil. 1928 /06/
12/2013 mengikut Perj. M.M.K. Bil. 1961
berikut ini.....hb.....12.....19/2013
PTG. PK. 581-2 (c)

Pengarah Tadbir Dan Cawangan
Persekutuan Negeri Perak



XERADAN NEGERI PERAK DAN

PERAK DAULAT

SULTAN SULTAN HASSANAGH OMAR

SULTAN SULTAN HASSANAGH OMAR

DAULAT ALAMAN SULTAN PADANG

PISAK DAWU RIDZUAN

RAHIMAH

KERTAS INI KEPUNYAAN KERAJAAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

RAHISJA

- 23164

(sambungan)
Per. Blt.

31

卷之三

LAMPIRAN

'B2'

DIREKLASIKAH
SEMULA

Bilah Surehan yang ditayangkan dalam
Kertas Ringkas/Menyurat Bil. 1928 / 66/
12/01/13 mengikut Perj. M.M.K. Bil. 1761
bersempena dengan 6 hb. 12 19 2013
FTQ. PK. 581 - 2 (C)

Pengaruh Pusah Dan Geliat Peyak Dalam Kewirausahaan



SUNGAI SIEU, DAIRY, KUALA
LUMPUR, MALAYSIA

RAGUSA

KERTAS INI KEPUNYAAN KERAJAAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN SIVIL NO. A-01(A)-157-04/2016

ANTARA

1. KRISHNAN A/L LETCHUMANAN
 2. THURAIRAJU A/L POOMALAI
 3. LAU HIAP LEE
 4. ANBALAGAN A/L SINNASAMY
 5. YEOH YET KHEONG
 6. MOGAN A/L SUBRAMANIAM
 7. NAGESPNEREN A/L RAMAN
 8. GATHERESAN A/L MUNISAMY
 9. SIVAJI A/L SREENIVASANY

DAN

1. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SUNGAI SIPUT
 2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK
 3. KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN ... RESPONDEN-RESPONDEN

[Dalam perkara mengenai Permohonan Untuk Usul Pemula No. 25-07-07/2015 dalam
Mahkamah Tinggi Malaya di Taiping

Dalam perkara mengenai keputusan yang dibuat oleh Responden Pertama melalui notis bertarikh 15.4.2015 yang mengarahkan Pemohon Pertama hingga Kesembilan untuk memindahkan semua hasil pertanian dan produk berkaitan dengan aktiviti pertanian yang dijalankan pada sebidang tanah yang dinyatakan sebagai Wilayah Padang Tembak, Mukim Sungai Siput, Daerah Kecil Sg. Siput (U), 31100 Perak Darul Ridzuan.

Dan

Dalam perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

Dan

Dalam perkara Seksyen 25 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan perenggan 1 Jadual di dalamnya.

ANTARA

1. KRISHNAN A/L LETCHUMANAN
2. THURAIRAJU A/L POOMALAI
3. LAU HIAP LEE
4. ANBALAGAN A/L SINNASAMY

- 5. YEOH YET KHEONG
- 6. MOGAN A/L SUBRAMANIAM
- 7. NAGESPNEREN A/L RAMAN
- 8. GATHERESAN A/L MUNISAMY
- 9. SIVAJI A/L SREENIVASANY
- 10. DR MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ ... PEMOHON-PEMOHON

DAN

- 1. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SUNGAI SIPUT
- 2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK
- 3. KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN ... RESPONDEN-RESPONDEN

(yang diputuskan oleh Pesuruhjaya Kehakiman Mohamed Zaini Bin Mazlan, di Mahkamah Tinggi Malaya di Taiping pada 13 haribulan April 2016)

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Ini adalah ekshibit yang ditandakan "NA-4" yang dirujuk dalam Nor Akmar binti Ibrahim (No. K/P : 820331-08-5306) yang diikrarkan di Ipo pada 19 haribulan Mei 2016 jam 9.00 pagi/petang.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI,
PERAK DARUL RIDZUAN,
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI,
ARAS 1, BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH.

0321

TELAH DIFAKSKAN PADA

9/3/2015

29

Pengarah Urusan
Wego Sdn Bhd
No.20, Jalan Besar Sungai Gedong
34300 BAGAN SERAI

Tuan,

SURAT KEBENARAN MEMASUKI TAPAK BAGI PEMBANGUNAN SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ DARUL RIDZUAN (SMTDR) SECARA PEMBAYARAN TERTANGGUH (DEFERRED PAYMENT)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat Tuan bertarikh 23 Februari 2015 mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan perjanjian yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan pihak syarikat, pihak Tuan dibenarkan untuk memasuki tapak bagi menjalankan kerja-kerja penyiapan tanah seperti membersih, merata tanah dan membina papan tanda (*signage*) bagi tapak yang dimiliki Kerajaan Negeri termasuk Jabatan/Agensi Negeri. Walau bagaimanapun, pihak Tuan tidak dibenarkan untuk memulakan sebarang kerja-kerja pembinaan sebelum mendapat kelulusan kebenaran merancang dari Pihak Berkuasa yang berkenaan (Jabatan Perancang Bandar dan Desa/ Pihak Berkuasa Tempatan). Pihak Tuan juga perlu memaklumkan kepada Pentadbir Tanah yang berkenaan terlebih dahulu sebelum memasuki tapak-tapak tersebut.

3. Kerjasama dan perhatian pihak Tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI ABU BAKAR BIN HAJI SAID)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah
Unit Perancang Ekonomi Negeri
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri
PERAK DARUL RIDZUAN

s.k Setiausaha Sulit Kanan Kepada
YAB Menteri Besar Perak



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : UPEN.PK. 45/6/6/35 Jld.4(7)
Tarikh : 29 J'Awal 1436
9 Mac 2015



BB KPT,
panjangkan
opd
PDTS.S.
29/3



16 (Tgjw).
utk
mudahnya
aw
26/3


KPPD (Tanah)
Kuala Kangsar

20/3/15

Tel : 05-2531957



Faks :
Setiausaha Kerajaan Negeri - 05-254 5323
TSUK (Pengurusan) - 05-255 2890
TSUK (Pembangunan) - 05-253 3973
Unit Perancang Ekonomi Negeri - 05-241 8173



CERTIFIED TO
MS ISO/IEC 27001:2007
CERT. NO.: AR5785

CERTIFIED TO
ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR5524



SENARAI EDARAN :

- 1.** Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu
Negeri Perak Darul Ridzuan
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH

Tel : 05-208 4000
Faks : 05-241 4257

- 2** Pengarah
Jabatan Agama Islam Negeri Perak
Tingkat 3, Kompleks Islam Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH

Tel : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512

- 3.** Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH

Tel : 05-254 0693
Faks : 05-253 7397

- 4** Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Tingkat 3 & 7, Bangunan Seri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH

Tel : 05-209 5700
Faks : 05-255 3022

- 5.** Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Perak
Jalan Sultan Yussuf
33300 GERIK

Tel : 05-791 1963
Faks : 05-792 1049

- 6.** Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian
34200 PARIT BUNTAR

Tel : 05-716 1963
Faks : 05-716 2399

- 7.** Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Larut, Matang Dan Selama
34000 TAIPING

Tel : 05-808 1963
Faks : 05-807 9929

- **8.** Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar
33000 KUALA KANGSAR

Tel : 05-776 1055
Faks : 05-776 4441

- 9.** Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Hilir Perak
36000 TELUK INTAN

Tel : 05-622 1766
Faks : 05-621 5166

10 Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Batang Padang
35000 TAPAH

Tel : 05-401 1402
Faks : 05-401 3588